

Masih diancam hakisan pantai

Hakisan berterusan mengakibatkan kemusnahan harta benda penduduk

KUALA NERUS - Seperti dijangka, masalah hakisan pantai yang teruk melanda Pantai Tok Jembal dan pantai Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebelum ini telah merebak ke kawasan berdekatan termasuk Kampung Tanjung Gelam dan Kampung Kolam di Mengambang Telipot, di sini.

Keadaan itu bukan sahaja meresahkan penduduk terutamanya yang tinggal berdekatan pantai, sebaliknya golongan nelayan juga turut berdepan kesukaran untuk meneruskan aktiviti turun ke laut memandangkan semakin banyak pantai telah ditelan ombak.

Meskipun isu melibatkan

hakisan pantai di daerah ini bukan sesuatu perkara baru, namun kaedah penyelesaian terbaik dilihat belum ditemui, sekaligus mengundang kebimbangan yang tidak berkesudahan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kuala Terengganu Utara, Abdul Rahman Bakar, 66, berkata, masalah berkenaan dilihat semakin parah, di mana bukan sahaja kawasan pantai yang terhakis teruk, tetapi telah mengakibatkan kemusnahan harta benda.

"Tidak dapat dinafikan, pihak berkaitan telah tampil membuat beberapa tindakan untuk mengurangkan hakisan termasuk meletakkan bong-



Bangunan wakaf milik nelayan yang menunggu masa untuk rebah.

Beginilah keadaan pantai Tanjung Gelam yang semakin banyak terhakis.



kah batu, namun ia dilihat masih belum mencukupi.

"Jadi, kita harap, langkah yang lebih proaktif dan segera diambil untuk memastikan hakisan tidak terus mengganas kerana kita bimbang suatu masa kawasan ini tidak lagi mempunyai pantai," katanya kepada Sinar Harian.

Katanya lagi, hakisan teruk telah

dikesan sejak lebih tiga tahun lalu, namun bertambah kritikal kira-kira setahun yang lalu dan dalam masa yang sama juga turut mengakibatkan beberapa aset penting milik nelayan seperti bangunan, pangkalan dan tempat menyimpan enjin bot telah lenyap dibawa ombak besar.

"Apa yang kami bimbangkan selama ini akhirnya terjadi dan sebenar-

nya perkara ini telah dijangka setelah melibat pantai Tok Jembal yang mengalami hakisan teruk sebelum ini.

"Namun, kita sama sekali tidak menjangka keadaannya begitu pantas dan apa yang kami bimbang nanti generasi akan datang mungkin tidak berpeluang untuk bermain di tepi pantai jika hakisan ini tidak ditangani segera,"katanya.